



**Merangkumi**

Aktiviti pelancongan pengembaraan dan aktiviti lasak.

- Senarai aktiviti sukan di bawah KBS

**Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan**

- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*) di SOP PPN – Fasa 4.

**Arahan Tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Syarat-syarat yang dikenakan oleh Badan Pengurusan Produk Pelancongan.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

<b>Waktu Beroperasi</b>	Waktu Operas Biasa	<b>Waktu Kehadiran Pelanggan</b>	Waktu Operasi Biasa	<b>Kapasiti Pekerja</b>	Termasuk Pengoperasian dan Pengurusan: 100%
-------------------------	--------------------	----------------------------------	---------------------	-------------------------	---

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

<b>Tindakan</b>	<b>Penerangan Ringkas</b>
Saringan kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan alat saringan suhu badan atau <i>thermal scanner</i>.</li> <li>• Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari.</li> <li>• Saringan perlu dilakukan ke atas pekerja dan pelanggan setiap kali sebelum dibenarkan hadir taklimat aktiviti.</li> <li>• Orang yang mempunyai suhu melebihi 37.5° C dan/atau bergejala tidak dibenarkan membuat aktiviti dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.</li> <li>• Mewajibkan pemakaian pelitup muka di tempat awam.</li> </ul>
Laporan kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan oleh syarikat)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja yang ramai (melebihi 5% jumlah pekerja) kerana demam atau bersimptom.</li> <li>• Pekerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5° C dan/atau bergejala tidak dibenarkan membuat aktiviti dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan dan tidak dibenarkan hadir bekerja.</li> </ul>
Had bilangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghadkan bilangan penggunaan yang dibenarkan berdasarkan kapasiti tempat dengan penjarakan fizikal bagi setiap sesi tertakluk kepada kesesuaian tempat bagi mematuhi penjarakan fizikal, penggunaan bot dan kemampuan kawal selia. Aktiviti berpasangan di dalam aktiviti seperti <i>canoeing, sky diving dan paragliding</i> adalah tidak digalakkan.</li> <li>• Kawalan pematuhan dan pemantauan oleh staf bertugas.</li> </ul>